

Usah tuduh tanpa bukti kukuh



>>Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

SKEPTIKALNYA pandangan masyarakat terhadap kemampuan mahasiswa jurusan Pengajian Islam hingga sering menjadi alat perbandingan yang berat sebelah dengan graduan jurusan lain.

Selain dianggap jurusan tidak glamour, cara berpakaian dan pemikiran turut dipersoalkan menyebabkan mereka kurang laku di pasaran.

Apatah lagi gagal memenuhi kehendak industri yang lebih menyukai calon agresif, berfikiran terbuka dan mampu melaksanakan tugas tanpa halangan.

Persoalannya, benarkah tanggapan itu atau hanya pandangan remeh-temeh masyarakat?

Ketua Program Dakwah dan Pengurusan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, masyarakat usah mempertikaikan kemampuan mahasiswa terbabit secara serkap jarang kerana pastinya tidak adil.

Beliau berkata, penentuan sama ada cemerlang atau sebaliknya bukan kerana jurusan diambil tetapi bergantung kepada kemampuan individu.

"Tidak adil apabila kemampuan mereka dipertikaikan hanya kerana 'mendengar khabar angin' tanpa bukti kukuh. Kejayaan individu bergantung pada diri sendiri, bukan jurusan diambil ketika di universiti.

"Tanggapan sedemikian akan menjejaskan masa depan golongan terbabit sedangkan kemampuan dan keupayaan melaksanakan tanggungjawab setara seperti graduan lain.



AMBIL TAHU... mereka yang ingin melanjutkan pengajian dalam Pengajian Islam perlu mengambil tahu prospek kerjaya yang ditawarkan sebelum membuat permohonan.

"Menuduh tanpa bukti kukuh bukan saja merosakkan nama institusi, malah menyebabkan industri pendidikan negara dipandang serong masyarakat luar," katanya.

Katanya, mahasiswa jurusan

itu mempunyai masa depan cerah sama seperti graduan lain dalam kepelbagaian bidang industri.

Mengambil jurusan agama bukan bermakna kemahiran terbatas, sebaliknya mereka

turut belajar pelbagai pengkhususan seperti, sains, komputer, kaunseling, psikologi dan ilmu sosial lain.

"Walaupun jurusan agama, banyak pengkhususan lain turut dipelajari. Ia adalah aset

untuk memikat majikan.

"Saya tidak setuju mereka tidak berdaya saing ketika melakukan tugas, malah graduan jurusan lain juga ada yang lebih teruk.

"Soal memilih jurusan tidak

timbul kerana tanpa kesungguhan dan komitmen daripada pelajar, mereka gagal menarik minat majikan sama ada jurusan agama atau sebaliknya," katanya.

Menurutnya, majikan men-

cari pekerja yang mempunyai integriti tinggi serta berkebolehan melaksanakan tugas, soal pakaian atau personaliti hak individu.

"Jika timbul isu pakaian, ia hanya kes terpencil. Mahasiswa jurusan ini tidak pernah berdepan kerana diskriminasi hanya disebabkan pakaian.

"Kelulusan, kelayakan dan kemahiran adalah kriteria utama diberi penekanan," katanya.

Namun, beliau tidak menafikan ada pelajar jurusan agama sukar mencari pekerjaan tetapi ia adalah lumrah dalam keadaan lambakan mahasiswa di pasaran.

"Jadi, terpulang bagaimana anda mencorakkan masa depan. Jika ingin berjaya, berusaha bersungguh-sungguh. Jangan menyalahkan institusi atau jurusan kerana ia tidak menyelesaikan masalah," katanya.

Beliau meminta masyarakat jangan gusar dengan lambakan graduan ini pada masa depan kerana pengkhususan ditawarkan atas kapasiti kepentingan dan sumbangan kepada negara.

"Setiap jurusan ditawarkan ada kepentingannya, bukan dilaksanakan secara suka-suka, sebaliknya berdasarkan keperluan jangka masa panjang.

"Negara memerlukan proses penggantian kerjaya secara konsisten. Jika pengkhususan tertentu dimansuhkan, bagaimana masa depan? Masyarakat perlu melihat isu ini dalam konteks lebih terbuka.

"Saya berharap selepas ini tidak timbul lagi isu pelajar jurusan agama tidak laku kerana ramai daripada mereka yang berjaya termasuk di bidang korporat," katanya.

TIADA HALANGAN... setiap mahasiswa mempunyai masa depan cerah mencorakkan kerjaya masing-masing tanpa kongkongan jurusan.